



KENYATAAN MEDIA

UDA LANCAR JUALAN K-PARC

Pembangunan Ikonik Komersil di Kangar, Perlis

Kangar, 13 Jun – UDA Holdings Berhad (UDA) hari ini telah melancarkan jualan projek pembangunan komersilnya di Kangar, Perlis bertempat di *Sales Gallery K-Parc*. Projek yang dikenali sebagai K-Parc ini terdiri dari pusat membeli belah dan juga dua blok kedai pejabat, tiga dan empat tingkat yang berkonsepkan moden kontemporari. K-Parc telah dilancarkan pada Oktober 2013 dan dijangka akan siap dibina pada Oktober 2015. Dengan nilai anggaran kasar (GDV) RM102 juta, projek pembangunan ikonik yang juga merupakan nadi negeri Perlis ini telah dibina di atas tapak seluas 6.3 ekar yang akan dikendalikan oleh UDA Land (North) Sdn Bhd yang merupakan salah satu anak syarikat UDA di Bertam, Pulau Pinang.

K-Parc yang akan dilaksanakan bakal mengubah landskap dan menjadikan daerah Kangar sebagai hab perniagaan eksklusif serta bercirikan mewah yang mesra pelanggan. Lokasinya yang strategik berdekatan dengan bandar Perlis dan pelbagai kemudahan yang lain seperti berhampiran dengan Kompleks Komersil Kangar dan juga Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (PKENP's). Kedudukannya yang hanya 10 km dari Lebuhraya Persekutuan Alor Setar – Kangar serta berdekatan dengan sekolah-sekolah dan juga syarikat-syarikat kerajaan dan juga swasta ini akan menjadi nilai tambah kepada projek tersebut.

Menurut YBhg Datuk Ahmad Abu Bakar, Pengarah Urusan Kumpulan UDA Holdings Berhad, “K-Parc merupakan projek pembangunan komersil perintis sebagai hub perniagaan, *leisure* dan juga *lifestyle* di bandar Perlis dan ianya juga adalah projek komersil ikonik UDA yang pertama seumpamanya di negeri Perlis. Berkonsepkan moden kontemporari serta digabungkan dengan *stylish facade* menambahkan lagi ciri-ciri elegan bagi produk K-Parc ini. Pembangunan ini dilihat akan membuka lebih banyak peluang-peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat. Pada masa yang sama, dengan wujudnya K-Parc ini diharap dapat menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negeri Perlis sekali gus membuka peluang-peluang perniagaan yang baru kepada peniaga-peniaga di negeri Perlis bagi menjana pulangan dan kadar sewa yang tinggi.”

Dalam ucapan beliau juga, Datuk Ahmad Abu Bakar turut merakamkan ucapan terima kasih kepada mereka yang hadir bagi memeriahkan Karnival Jualan K-Parc pada hari ini serta sokongan yang diberikan terhadap produk-produk jenama UDA.

Sebagai menghargai sokongan yang diberikan, UDA telah mengadakan pelbagai aktiviti menarik sepanjang berlangsungnya majlis perasmian tersebut bagi mengeratkan lagi hubungan di antara UDA dan juga komuniti di Perlis khususnya di Kangar. Di antaranya adalah persembahan nyanyian dari Ronnie Hyperact, pertandingan karaoke, persembahan maskot Minion dan juga Iron Man serta banyak lagi aktiviti istimewa untuk kanak-kanak.

-TAMAT-

MENGENAI UDA HOLDINGS BERHAD

UDA Holdings Berhad (UDA), merupakan salah satu organisasi pembangunan hartanah dan pengurusan aset yang mampan dan terkemuka di negara ini. Aktiviti utama syarikat termasuk pembangunan tanah, pengurusan harta dan fasiliti, kompleks beli-belah serta industri pelancongan. UDA telah bertapak kukuh dalam membentuk dan memodenkan Kuala Lumpur, Lembah Klang dan bandar-bandar utama lain di Malaysia sejak tahun 1971.

Untuk maklumat lanjut mengenai UDA, sila layari www.uda.com.my.

Sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Puan Radziah Mohamed Fadzil

Bahagian Pemasaran & Komunikasi Korporat
UDA Holdings Berhad
Blok Menara, Kompleks Pertama, Jalan
Tuanku Abdul Rahman
50100, Kuala Lumpur
Tel : 03- 2730 8595
Fax : 03- 2731 2855
Email : radziah@udanet.com
H/P : 017337 7630

Puan Norazuana Abdullah

Bahagian Pemasaran & Komunikasi Korporat
UDA Holdings Berhad
Blok Menara, Kompleks Pertama, Jalan Tuanku
Abdul Rahman
50100, Kuala Lumpur
Tel : 03- 2730 8500 ext 2817
Fax : 03- 2731 2855
Email : norazuana@udanet.com
H/P : 0192239153